

4 sekeluarga maut nahas

Terkejut bukan kain jenazah

>>Oleh Mohamad Hussin,
Muhammad Saufi Hassan
dan Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

ALOR SETAR: “Ketika menerima panggilan ada kemalangan maut melalui walkie-talkie, saya tidak mengesyaki apa-apa dan terus ke tempat kejadian untuk melihat keadaan sebenar.

“Bagaimanapun, sebaik tiba di tempat kejadian, saya mendapati empat mayat dibawa keluar dari sebuah Perodua Viva manakala seorang lagi dibawa ke Unit Kecemasan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB),” kata Abdul Wahab Othman, 58, adik ipar mangsa nahas nge-

ri yang mengorbankan empat beranak, semalam.

Dalam kejadian itu, empat beranak yang maut di tempat kejadian dikenali sebagai Shafie Hamid, 57, isterinya, Che Faridah Ani, 60, serta dua anak mereka, Mohd Ittihal, 26, dan Nurul Faiz, 24.

Anak bongsu keluarga itu yang berada dalam kereta berkenaan, Mohd Iqbal Zakuan, 15, dilaporkan kritikal dan dirawat di Unit Rawatan Rapi HSB.

Menurutnya, ketika itu, dia seperti mengenali nombor pendaftaran Perodua Viva dinaiki keluarga malang itu sebelum membuka kain penutup jenazah yang diletakkan di atas jalan seorang demi seorang.

Katanya, dia begitu terkejut apabila mendapati semua mangsa kemalangan itu adalah keluarga abang iparnya menyebabkan dia terus menghubungi isterinya memaklumkan kejadian itu.

“Saya tak sangka abang dan kakak ipar serta dua anak lelaki mereka terbunuh dalam nahas itu akibat kecederaan parah di kepala dan badan.

“Kali terakhir bertemu mereka ketika pulang menyambut Aidiladha minggu lalu dan mereka ketika itu dilihat kurang bercakap berbanding biasa,” katanya ketika ditemui di pekarangan Jabatan Forensik HSB, semalam.



KEHILANGAN...dua anak arwah Shafie Hamid, Mohd Anuar (kiri) dan Mohd Fashah sedih sebaik keluar melihat jenazah di bilik Forensik Hospital Sultanah Bahiyah.



Metro 2/11/12 MS 6.

TRAGEDI...empat mayat ditutup sebelum dibawa ke hospital untuk bedah siasat.



NGERI...mayat pemandu yang tersepit selepas terbabit nahas, semalam.


Rakan mangsa, Wan Sulaiman Wan Tahir, 70, berkata, kali terakhir dia bertemu arwah Shafie Hamid yang juga pesara tentera kira-kira jam 11 pagi semalam ketika arwah turut menyertai solat jenazah di Hutan Kampung, dekat sini.

Menurutnya, arwah kurang bercakap dan banyak mendiamkan diri walaupun dia seorang yang begitu ceria dan suka berbual dengan rakan yang turut menghadiri solat jenazah di merata tempat.

“Saya terkejut apabila dimaklumkan arwah meninggal dunia bersama isteri dan dua anaknya manakala seorang lagi anak mereka kritikal menyebabkan saya terus ke sini (HSB) untuk melihat jenazahnya,” katanya.

Sementara itu, anak ketiga mangsa, Mohd Fashah, 28, berkata, dia menerima panggilan memaklumkan keluarganya terbabit dalam kemalangan dan meninggal dunia di tempat kejadian, kira-kira jam 3.30 petang.

Menurutnya, dia tidak tahu destinasi mahu dituju ibu bapa serta adik-adiknya ketika kemalangan berlaku kerana tinggal berasingan, namun arwah ibunya pernah menyatakan hasrat menunaikan fardu haji di Makkah



“Tak tahu nak cakap keadaan ketika itu apabila saya langsung tidak mengenali wajah isteri arwah kerana cedera teruk di muka”

>Yusoff Ghazali

ketika bertemu kali terakhir beberapa hari lalu, namun hajat itu tidak kesampaian.

“Apapun, kami sekeluarga reda dengan apa yang berlaku kerana mungkin sudah takdir Allah,” katanya.

Yusoff Ghazali, 40, berkata, tangannya menggeletar ke-

tika mahu membuka penutup kain jenazah apabila mendapati empat mangsa yang meninggal dunia itu jirannya kerana hubungan mereka begitu rapat.

Menurutnya, dia sering bertemu dan berbual dengan arwah Shafie Hamid ketika menunaikan solat Maghrib di Masjid Kubang Pisang setiap malam dan arwah seorang yang periang dan baik.

“Tak tahu nak cakap keadaan ketika itu apabila saya langsung tidak mengenali wajah isteri arwah kerana cedera teruk di muka, malah terdapat kesan luka parah di dahinya manakala kepala juga hampir pecah.

“Saya sedih kerana kehilangan jiran yang baik kerana kesibukan bertugas sebagai guru menyebabkan tidak sempat berjumpa pada waktu siang,” katanya.

Katanya, arwah Shafie Hamid baru membuka kedai gunting rambut di kampung itu, malah sanggup menggunakan Perodua Viva berkenaan untuk membawa orang pergi mengikuti solat jenazah jika ada sesiapa meninggal dunia.

Jenazah semua mangsa dikebumikan dalam satu liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Masjid Kubang Pisang, Pendang, malam tadi.